

B Pemahaman

Pemahaman Teks

Praktis PT3 Sajak – Pada Sekuntum Mawar

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sehelai kelopakmu gugur
adalah titis air mata *bonda*
yang **luruh** dalam lipatan usia.

Merenung pada malam yang kematian angin
pada laut yang kematian ombak
seperti telah menutup
pintu kehidupan ini
menjadi sepi dan **lara**
pada kemusnahan yang tak pernah dipinta.

Sekuntum mawar
bukan melontar harum indahmu
di hujung lembah
tapi mengangkat **seri mahkotamu**
ke puncak iman.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi*,
Indah Bahasa, Tingkatan 2, Kementerian
Pendidikan Malaysia)

Nota SMART

Hiperbola

Menyatakan sesuatu perkara secara berlebih-lebihan.
Contohnya:

Di dadanya ada api

Entri Kata

- **luruh** – jatuh
- **lara** – sedih
- **seri mahkota** – maruah diri

1. Antara yang berikut ialah impaknya apabila seorang gadis hilang maruahnya berdasarkan sajak *Pada Sekuntum Mawar*, **kecuali**
- A ibunya akan menangis kesedihan.
 - B menjejaskan maruah ahli keluarga.
 - C dipandang hina oleh masyarakat.
 - D menjejaskan masa depan gadis tersebut.

2. **Yang luruh dalam lipatan usia**

Apakah gaya bahasa baris di atas?

- A Sinkope C Metafora
- B Personifikasi D Responsi

3. Apakah tema sajak *Pada Sekuntum Mawar*?
- A Pentingnya kasih sayang ibu kepada anak gadis
 - B Kepentingan anak gadis menjaga maruah diri

- C Kesedihan yang dialami oleh ibu apabila anak gadis ternoda
- D Kepentingan memiliki iman yang teguh dalam mempertahankan maruah diri

4. Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu dilakukan oleh anak gadis demi menjaga maruah diri?
- A Berkawan dengan seseorang yang berkelakuan baik
 - B Mengelakkan diri daripada keluar rumah tanpa berteman
 - C Mempelajari ilmu agama supaya dapat membentengkan diri daripada unsur negatif
 - D Sentiasa meluangkan masa dengan ibu bapa serta mendengar kata mereka

Praktis PT3 Cerpen – Menuai Emas

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ini zaman moden, zaman serba maju. Alif berazam membawa kemajuan dengan cara tersendiri. Menjadi petani alaf baharu ini tidak perlu lagi bertajak, berkubang dan berselut badan merembas menerung yang degil liat. Kerja itu semua dapat dilaksanakan dengan mudah oleh mesin pembajak, tanpa harus mengotorkan tubuh. Tidak lagi pernah terbongkok-bongkok mengerat padi, sebelum dibanting di dalam tong bertutup separuh layar. Dengan jentera tuai, petak sawah akan terang lapang dalam masa yang singkat.

“Tak sangka, ya. Tengoklah petak-petak ini sekarang dipenuhi emas belaka!”

Suara Tuk Ketua menyapa gegandang telinga Alif. Rupa-rupanya dia juga menurut langkah anak muda itu meniti permatang.

Alif menarik nafas lega. “Alhamdulillah. Ini benar-benar bantuan Allah dan berkat doa yang tak putus.”

Ini benar-benar bantuan Allah.

Demikianlah keyakinannya yang jitu. Jika ini hadiah atas sabar dan redanya, dia amat-amat bersyukur. Jika ini nikmat, dia berterima kasih, juga amat bersyukur. Jika ini yang bakal menjadi cabaran buatnya, dia akan bersedia menerima dan tetap bersyukur.

Sedih, tangis dan luka jiwa semakin terubat. Dia pernah dihina, dikutuk dan dimarahi kerana beria-ia memujuk para tuan tanah supaya menolak tawaran menjual petak masing-masing kepada syarikat pemaju perumahan. Dia malah nyaris diparang oleh Abang Man kerana dituduh menghasut. Dia sabar, dia reda dengan semua itu. Dia bersyukur kerana dia masih selamat. Inilah hasil keyakinan pada doa, dan berdoa dengan yakin, dia kira.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Nota SMART

Teknik plot

- Digunakan oleh pengarang untuk mengembangkan plot sesebuah cerita.
 - (a) *Imbas muka* – Memberikan bayangan awal tentang sesuatu peristiwa, contohnya melalui mimpi atau doa.
 - (b) *Imbas kembali* – Mengingatkan peristiwa yang sudah berlaku semula melalui perbualan, khayalan, atau kenangan.
 - (c) *Dialog* – Pertuturan antara watak.
 - (d) *Monolog* – Kata-kata yang diungkapkan untuk diri sendiri.
 - (e) *Monolog dalaman* – Pengucapan di dalam hati.
 - (f) *Pemerian* – Menggambarkan sesuatu peristiwa secara langsung.
 - (g) *Kejutan* – Perubahan yang berlaku secara tiba-tiba; untuk mengejutkan para pembaca.
 - (h) *Suspens* – Digunakan untuk membuatkan pembaca tertanya-tanya.

Entri Kata

- **ban** – batas
- **kerdil** – kecil
- **membuak** – mengeluarkan
- **luruh** – jatuh
- **lantang** – kuat dan jelas
- **anjung** – bahagian depan rumah yang menganjur

1. Yang berikut ialah ciri-ciri pertanian alaf baharu, **kecuali**

- A menggunakan tajak.
- B menggunakan jentera pembajak.
- C petani tidak lagi bergelumang dengan lumpur dan kotor.
- D menjimatkan masa.

2. Antara nilai murni yang terdapat dalam petikan cerpen ialah

- A nilai kegigihan.
- B cinta akan negara.
- C nilai amanah.
- D nilai berdikari.

3. Latar masyarakat yang digambarkan dalam petikan cerpen tersebut ialah

- A masyarakat petani.
- B golongan muda yang tabah berusaha.
- C masyarakat bandar yang materialistik.
- D masyarakat yang berperanan sebagai ketua dalam organisasi.

4. Apakah teknik penceritaan bagi perenggan terakhir petikan cerpen tersebut?

- A Teknik monolog
- B Teknik dialog
- C Teknik pemerian
- D Teknik kejutan